

**ANALISIS FAKTOR-FAKTOR YANG
MEMPENGARUHI PENGGUNAAN SUMBER
ALAM SEMULA JADI DALAM KALANGAN ISI
RUMAH MISKIN LUAR BANDAR DI MUKIM
JERLUN, KEDAH, MALAYSIA**

MOHD AZMEER BIN ABU BAKAR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2020

**ANALISIS FAKTOR-FAKTOR YANG
MEMPENGARUHI PENGGUNAAN SUMBER
ALAM SEMULA JADI DALAM KALANGAN ISI
RUMAH MISKIN LUAR BANDAR DI MUKIM
JERLUN, KEDAH, MALAYSIA**

oleh

MOHD AZMEER BIN ABU BAKAR

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

November 2020

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan lafaz penuh kesyukuran kepada Allah yang Maha Esa kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, maka tesis penyelidikan ini dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Tesis ini adalah hasil usaha dan kerjasama mereka yang banyak membantu saya dalam menyempurnakan penyelidikan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Asyirah binti Abdul Rahim selaku penyelia utama dan Profesor Dr. Narimah Samat sebagai penyelia bersama yang banyak meluangkan masa memberi bimbingan, tunjuk ajar dan panduan bermakna dalam menyempurnakan penyelidikan ini. Semoga Allah memberkati segala jasa baik dan dedikasi yang diberikan. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan semua pensyarah khususnya pensyarah Bahagian Geografi. Selain itu, ucapan terima kasih kepada geran RU “*Spatial Inequalities, Framing Phenomena, Formulating Policies*” (1001/PHumaniti/856002) kerana membantu dalam bantuan kewangan untuk menjalankan kajian saya.

Kajian ini, tidak sempurna tanpa bantuan responden yang sudi untuk ditemu bual terutamanya isi rumah miskin di kawasan Jerlun, Kedah yang banyak memberikan maklumat. Kerjasama yang diberikan oleh mereka amat saya hargai.

Kepada sahabat seperjuangan terima kasih atas semangat setia kawan yang ditunjukkan. Terima kasih juga kepada saudara mara yang turut memberi sokongan dan galakkan positif untuk saya teruskan perjuangan ini.

Akhir kata, jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Jasa kalian, amat dihargai dan hanya

Tuhan yang mampu membalasnya. Segala yang baik itu adalah kurniaan Allah
Azzawajalla dan yang buruk itu adalah kelemahan saya sendiri.

Sekian, terima kasih.

MOHD AZMEER BIN ABU BAKAR

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Universiti Sains Malaysia

11800, Pulau Pinang.

November 2020

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iv
SENARAI JADUAL.....	ix
SENARAI RAJAH.....	xiv
SENARAI SINGKATAN.....	xvi
ABSTRAK.....	xvii
ABSTRACT.....	xix
BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.1 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2 Isu dan Permasalahan Kajian	4
1.3 Persoalan Kajian.....	10
1.4 Objektif Kajian.....	11
1.5 Skop Kajian.....	11
1.6 Kepentingan dan Sumbangan Kajian	12
1.7 Organisasi Kajian	14
1.8 Kesimpulan	16
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	17
2.1 Pengenalan	17
2.2 Teori Determinisme dan Possibilisme	17
2.3 Teori Ekologi Manusia.....	23
2.4 Teori Sistem Sosial-Ekologi	27
2.5 Sumber Takungan Awam.....	29
2.6 Definisi dan Konsep.....	30
2.6.1 Strategi Penggunaan	30
2.6.2 Sumber Semula Jadi	32

2.6.3	Kemiskinan.....	38
2.6.4	Luar Bandar	42
2.6.5	Perkhidmatan Ekosistem	44
2.7	Masalah Kemiskinan di Malaysia	47
2.8	Peranan dan Manfaat Sumber Semula Jadi dalam Kehidupan.....	52
2.8.1	Perkhidmatan Pembekalan	53
2.9	Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Semula Jadi	57
2.9.1	Faktor Sosioekonomi.....	57
2.9.2	Faktor Fizikal.....	64
2.9.3	Faktor Ruangan.....	70
2.9.4	Faktor Temporal (Musim)	71
2.9.5	Faktor Risiko (Perubahan Iklim)	72
2.10	Strategi Penggunaan Sumber Semula Jadi dalam Kehidupan.....	75
2.11	Penilaian Hubungan Sumber Semula Jadi dan Kemiskinan	80
2.12	Penilaian Sumber Semula Jadi dengan Strategi Penggunaan dalam Kehidupan	82
2.13	Kerangka Konseptual Kajian	85
2.14	Kesimpulan	87
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN.....	89
3.1	Pengenalan	89
3.2	Reka Bentuk Kajian	89
3.3	Proses Penyelidikan	90
3.3.1	Kajian Awal Daripada Data Sekunder dan Pemerhatian.....	93
3.3.2	Pembentukan Objektif Kajian	94
3.3.3	Pengumpulan Data.....	94
3.3.4	Jenis Data.....	95
3.3.5	Kajian Rintis	96

3.3.6	Pensampelan Data.....	98
3.3.7	Pembentukan Instrumen Kajian.....	102
3.3.8	Kaedah Proses dalam Pengumpulan Data	104
3.3.9	Kaedah Kuantitatif.....	104
3.3.10	Kaedah Kualitatif.....	112
3.3.11	Analisis Data.....	114
3.3.12	Penulisan Laporan	115
3.4	Kaedah Penganalisan Data	115
3.4.1	Ujian Kebolehpercayaan.....	116
3.4.2	Analisis Deskriptif.....	117
3.4.3	Analisis Indeks Kepentingan Relatif	120
3.4.4	Analisis Taburan Silang dan Ujian Khi Kuasa Dua	121
3.4.5	Analisis Faktor.....	122
3.4.6	Analisis Regrasi.....	124
3.4.7	Analisis ANOVA.....	128
3.4.8	Analisis Kolerasi.....	129
3.5	Etika Penyelidikan	130
3.6	Lokasi dan Justifikasi Pemilihan Kawasan Kajian	131
3.7	Kesimpulan	132
BAB 4	PROFIL, TAHAP PENGETAHUAN DAN CORAK PENGUNAAN SUMBER ALAM SEMULA JADI	133
4.1	Pengenalan	133
4.2	Ujian Kenormalan Sampel	133
4.3	Analisis Profil Demografi Responden	135
4.3.1	Kumpulan Umur	136
4.3.2	Jantina.....	137
4.3.3	Tahap Pendidikan	138
4.3.4	Taraf Perkahwinan.....	139

4.3.5	Bilangan Isi Rumah	139
4.3.6	Pendapatan Bulanan	140
4.3.7	Sumber Pendapatan	141
4.4	Tahap Pengetahuan Terhadap Manfaat yang Disediaan oleh Sumber Semula Jadi.....	143
4.5	Analisis Corak Penggunaan Sumber Semula Jadi	148
4.5.1	Aktiviti Yang Dilakukan Terhadap Sumber Semula Jadi	148
4.5.2	Manfaat daripada Perkhidmatan Pembekalan yang Diperoleh Daripada Penggunaan Sumber Semula Jadi	152
4.5.3	Jarak Ketersampaian Pengguna kepada Manfaat yang Disediakan oleh Sumber Semula Jadi	155
4.5.4	Jumlah Hasil Manfaat (Kuantiti) yang Diperolehi Isi Rumah.....	158
4.5.5	Kekerapan Penggunaan Sumber Semula Jadi dalam Kehidupan Responden.....	160
4.5.6	Tujuan Penggunaan Sumber Semula Jadi dalam Kehidupan.....	164
4.6	Kesimpulan	167
BAB 5	ANALISIS FAKTOR DAN HUBUNGAN PENGGUNAAN SUMBER ALAM SEMULA JADI.....	168
5.1	Analisis Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Semula Jadi	168
5.1.1	Analisis Faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Tanah	168
5.1.2	Analisis Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Laut/Persisiran Pantai	179
5.1.3	Analisis Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Sungai	191
5.2	Analisis Hubungan di antara Faktor yang mempengaruhi Penggunaan Sumber Semula Jadi dengan Hasil Manfaat yang Diperoleh Isi Rumah	202
5.2.1	Analisis Hubungan di antara Faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Semula Jadi dengan Hasil Manfaat Sumber Tanah.....	202

5.2.2	Analisis Hubungan di antara Faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Semula Jadi dengan Hasil Manfaat Sumber Laut	208
5.2.3	Analisis Hubungan di antara Faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Semula Jadi dengan Hasil Manfaat Sumber Sungai.....	213
5.2.4	Perbandingan Hubungan Jumlah Hasil Sumber Semula Jadi dengan Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Semula jadi	218
5.3	Kesimpulan	224
BAB 6	PERBINCANGAN	226
6.1	Pengenalan	226
6.2	Penggunaan Sumber Semula Jadi dalam Kalangan Isi Rumah Miskin	226
6.3	Faktor-Faktor Signifikan dan Dominan yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Alam Semula Jadi	231
6.4	Hubungan Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Semula Jadi dengan Hasil Sumber Semula jadi.....	243
6.5	Kesimpulan	247
BAB 7	PENUTUP, IMPLIKASI DAN CADANGAN	248
7.1	Pengenalan	248
7.2	Rumusan Hasil Kajian.....	248
7.2.1	Rumusan Terhadap Objektif 1: “Menentukan Bentuk Penggunaan Sumber Alam Semula Jadi yang Pelbagai oleh Isi Rumah Miskin”.....	248
7.2.2	Rumusan Terhadap Objektif 2: “Menentukan Faktor-faktor yang Signifikan dan Dominan dalam Mempengaruhi Penggunaan Sumber Semula Jadi yang Pelbagai oleh Isi Rumah Miskin”.....	250
7.2.3	Rumusan Terhadap Objektif 3: “Menganalisis Hubungan Faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Semula Jadi dengan Hasil Manfaat Penggunaan Sumber Alam Semula Jadi yang Pelbagai”	254
7.3	Implikasi Teori dan Konsep.....	257
7.4	Implikasi Dasar	260

7.5	Sumbangan Kajian	262
7.6	Cadangan Penambahbaikkan Kajian di Masa Hadapan.....	265
7.7	Kesimpulan	266
SENARAI RUJUKAN.....		265

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Statistik Insiden Kemiskinan Negeri Kedah Tahun 2014-2017 9
Jadual 2.1	Fungsi Sumber Sungai dalam Kehidupan Manusia..... 36
Jadual 2.2	Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) mengikut Wilayah dan Strata, 2016 39
Jadual 2.3	Definisi dan Konsep Perkhidmatan Ekosistem 46
Jadual 2.4	Jenis-Jenis Perkhidmatan Ekosistem..... 47
Jadual 2.5	Statistik Insiden Kemiskinan Negeri Kedah Tahun 2014-2017 51
Jadual 2.6	Jumlah Insiden Kemiskin Mengikut Kategori Miskin di Negeri Kedah Tahun 2014-2017 52
Jadual 2.7	Sub-Kategori Perkhidmatan Ekosistem Pembekalan 56
Jadual 2.8	Ringkasan Variabel dalam Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Alam Semula Jadi 74
Jadual 2.9	Jenis Aktiviti Berasaskan Sumber Alam Semula jadi dan Bukan Semula Jadi 78
Jadual 3.1	Maklum Balas dan Ulasan Soal Selidik 98
Jadual 3.2	Skala <i>Likert</i> Lima Mata 109
Jadual 3.3	Soal Selidik di Bahagian A..... 110
Jadual 3.4	Soalan Kaji Selidik di Bahagian B 110
Jadual 3.5	Soalan Kaji Selidik di Bahagian C 111
Jadual 3.6	Soalan Kaji Selidik di Bahagian D..... 112
Jadual 3.7	Nilai Kebolehpercayaan 117
Jadual 3.8	Ringkasan Keputusan Ujian Kebolehpercayaan..... 117
Jadual 3.9	Interpretasi Skor Tahap Pengetahuan Terhadap Manfaat yang Disediakan oleh Sumber Semula Jadi..... 119

Jadual 3.10	Interpretasi Nilai Indeks Kepentingan Relatif Tahap Pengetahuan Terhadap Manfaat yang Disediakan oleh Sumber Semula Jadi	121
Jadual 3.11	Nilai Pekali Kolerasi.....	129
Jadual 4.1	Ujian Kenormalan Sampel Peringkat Umur.....	134
Jadual 4.2	Ujian Kolmogorov-Smirnov.....	134
Jadual 4.3	Ujian Kenormalan Sampel Pendapatan Bulanan.....	135
Jadual 4.4	Ujian Kolmogorov-Smirnov.....	135
Jadual 4.5	Taburan Responden Mengikut Kumpulan Umur	137
Jadual 4.6	Taburan Responden Mengikut Jantina	138
Jadual 4.7	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan.....	139
Jadual 4.8	Taraf Perkahwinan Responden.....	139
Jadual 4.9	Taburan Responden Mengikut Bilangan Isi Rumah.....	140
Jadual 4.10	Taburan Responden Mengikut Pendapatan Bulanan Tanpa Bantuan.....	141
Jadual 4.11	Taburan Responden Mengikut Pendapatan Bulanan Bersama Bantuan.....	141
Jadual 4.12	Taburan Responden Mengikut Sumber Pendapatan.....	142
Jadual 4.13	Jumlah Pendapatan Responden Berasaskan Penggunaan Sumber Alam Semula Jadi	143
Jadual 4.14	Interpretasi Tahap Pengetahuan Terhadap Manfaat yang Disediakan oleh Sumber Alam Semula Jadi.....	144
Jadual 4.15	Taburan Jawapan Tahap Pengetahuan Responden Terhadap Manfaat yang Disediakan oleh Sumber Alam Semula Jadi.....	145
Jadual 4.16	Interpretasi Tahap Pengetahuan Terhadap Manfaat yang Disediakan oleh Sumber Alam Semula Jadi Berdasarkan Nilai RII.....	146
Jadual 4.17	Kedudukan (<i>Ranking</i>) Tahap Pengetahuan Responden.....	147

Jadual 4.18	Frekuensi Sub-Kategori Manfaat yang diterima Responden daripada Penggunaan Sumber Tanah.....	157
Jadual 4.19	Frekuensi Manfaat yang diterima Responden Sumber Sungai	157
Jadual 4.20	Frekuensi Manfaat yang diterima daripada Sumber Laut	157
Jadual 4.21	Jumlah Hasil Manfaat yang diperoleh daripada Sumber Tanah di kawasan Kediaman Responden	159
Jadual 4.22	Jumlah Hasil Manfaat yang diperolehi Responden daripada Penggunaan Sumber Sungai	160
Jadual 4.23	Jumlah Hasil Manfaat yang diperoleh Responden daripada Penggunaan Sumber Laut.....	160
Jadual 5.1	Ujian Kebolehpercayaan Bagi setiap Pembolehubah mengikut Jenis Sumber Alam Semula Jadi	168
Jadual 5.2	Ujian KMO dan Ujian <i>Bartlett's</i> Faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Tanah.....	169
Jadual 5.3	Nilai Komunaliti (<i>Communalities</i>).....	170
Jadual 5.4	Nilai <i>Eigen</i> , Peratusan Varians dan Peratusan Kumulatif.....	171
Jadual 5.5	Ringkasan Analisis Faktor bagi Faktor Penggunaan Sumber Tanah.....	172
Jadual 5.6	Ujian Kebolehpercayaan Komponen Faktor yang Dikonstruk	173
Jadual 5.7	Ringkasan Analisis Regresi Faktor Penggunaan Sumber Tanah	175
Jadual 5.8	Data Analisis Varians (ANOVA) bagi Faktor Penggunaan Sumber Tanah.....	176
Jadual 5.9	Uji Keofisien Regresi Bagi Faktor Penggunaan Sumber Tanah	179
Jadual 5.10	Ringkasan Pembolehubah yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Tanah	179
Jadual 5.11	Ujian KMO dan Ujian <i>Bartlett's</i> Faktor yang Mempengaruhi Sumber Laut.....	180

Jadual 5.12	Nilai Komunaliti (<i>Comunalities</i>).....	181
Jadual 5.13	Nilai Eigen, Peratusan Varians dan Peratusan Kumulatif.....	182
Jadual 5.14	Ringkasan Analisis Faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Laut.....	183
Jadual 5.15	Ujian Kebolehpercayaan Komponen Faktor yang Dikonstruk	184
Jadual 5.16	Ringkasan Regrasi Bagi Faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Laut.....	186
Jadual 5.17	Data Analisis Varians (ANOVA) bagi Faktor Penggunaan Sumber Laut	186
Jadual 5.18	Uji Keofisien Regrasi Bagi Faktor Penggunaan Sumber Laut.....	191
Jadual 5.19	Ringkasan Pembolehubah yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Laut Mengikut Kepentingan.....	191
Jadual 5.20	Nilai Ujian KMO dan Ujian <i>Bartlett</i> '	192
Jadual 5.21	Nilai Komunaliti (<i>Comunalities</i>) Setiap Pembolehubah	193
Jadual 5.22	Nilai <i>Eigen</i> , Peratusan Varians dan Peratusan Kumulatif.....	194
Jadual 5.23	Ringkasan Analisis Faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Sungai	195
Jadual 5.24	Ujian Kebolehpercayaan Komponen Faktor yang Dikonstruk	196
Jadual 5.25	Ringkasan Regrasi Bagi Faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Sungai	198
Jadual 5.26	Data Analisis Varians (ANOVA) bagi Faktor Penggunaan Sumber Sungai.....	199
Jadual 5.27	Uji Keofisien Regrasi bagi Faktor Penggunaan Sumber Sungai	201
Jadual 5.28	Ringkasan Pembolehubah yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Sungai	202
Jadual 5.29	Ringkasan Analisis Regrasi Faktor Penggunaan Sumber Semula Jadi dengan Hasil Manfaat Sumber Tanah.....	203

Jadual 5.30	Data Analisis Varians (ANOVA) bagi Faktor Penggunaan Sumber Tanah	204
Jadual 5.31	Uji Keofisien Regrasi Bagi Faktor Penggunaan Sumber Semula dengan Hasil Manfaat Sumber Tanah	207
Jadual 5.32	Ringkasan Pembolehkan yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Semula Jadi dengan Hasil Manfaat Sumber Tanah Mengikut Kepentingan.....	207
Jadual 5.33	Ringkasan Analisis Regrasi Faktor Penggunaan Sumber Semula Jadi dengan Hasil Manfaat Sumber Laut.....	208
Jadual 5.34	Data Analisis Varians (ANOVA) bagi Faktor Penggunaan Sumber Laut	209
Jadual 5.35	Uji Keofisien Regrasi Bagi Faktor Penggunaan Sumber Semula Jadi dengan Hasil Manfaat Sumber Laut.....	212
Jadual 5.36	Ringkasan Pembolehkan yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Semula Jadi dengan Hasil Manfaat Sumber Laut Mengikut Kepentingan	213
Jadual 5.37	Ringkasan Analisis Regrasi Faktor Penggunaan Sumber Semula Jadi dengan Hasil Manfaat Sumber Sungai	214
Jadual 5.38	Data Analisis Varians (ANOVA) bagi Faktor Penggunaan Sumber Sungai.....	215
Jadual 5.39	Uji Keofisien Regrasi Bagi Faktor Penggunaan Sumber Semula dengan Hasil Manfaat Sumber Sungai	217
Jadual 5.40	Ringkasan Pembolehkan yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Semula Jadi dengan Hasil Manfaat Sumber Sungai Mengikut Kepentingan.....	218
Jadual 5.41	Ringkasan analisis kolerasi di antara Jumlah Hasil Sumber Semula Jadi dengan Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Sumber Semula jadi	224

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 1.1	Jumlah Penduduk Miskin dalam Daerah Kubang Pasu Mengikut Mukim	10
Rajah 2.1	Konsep Model Determinisme	18
Rajah 2.2	Konseptual Model Possibilisme.....	19
Rajah 2.3	Kerangka Teoritikal Hubungan Kemiskinan dengan Alam Sekitar Semula Jadi.....	23
Rajah 2.4	Hubungan Ekologi Manusia.....	25
Rajah 2.5	Peratusan Kadar Kemiskinan Mengikut Strata 1970-2014 Malaysia	50
Rajah 2.6	Kerangka Konseptual Kajian	87
Rajah 3.1	Proses Penyelidikan	93
Rajah 3.2	Formula Penentuan Saiz Sampel Kajian.....	101
Rajah 3.3	Kawasan Kajian	132
Rajah 4.1	Peratusan Aktiviti Penggunaan Sumber Tanah.....	149
Rajah 4.2	Peratusan Aktiviti Penggunaan Sumber Sungai.....	150
Rajah 4.3	Peratusan Aktiviti Penggunaan Sumber Laut dan Persisiran Pantai.....	151
Rajah 4.4	Peratusan Manfaat yang diperolehi daripada Penggunaan Sumber Tanah	153
Rajah 4.5	Peratusan Manfaat yang diperolehi daripada Penggunaan Sumber Sungai dan Laut/Persisiran Pantai	154
Rajah 4.6	Kekerapan Penggunaan Manfaat Bagi Sumber Tanah.....	162
Rajah 4.7	Kekerapan Penggunaan Manfaat daripada Sumber Sungai dan Sumber Laut	164
Rajah 4.8	Peratusan Tujuan Penggunaan Sumber Semula Jadi dalam Kehidupan	166

Rajah 5.1	Nilai Eigen Berdasarkan <i>Scree Plot</i>	171
Rajah 5.2	Senarai Faktor yang Baru Selepas Analisis Faktor	174
Rajah 5.3	Nilai Eigen Berdasarkan <i>Scree Plot</i>	182
Rajah 5.4	Senarai Faktor yang Baru Selepas Analisis Faktor	185
Rajah 5.5	Nilai Eigen Berdasarkan <i>Scree Plot</i>	194
Rajah 5.6	Ringkasan Senarai Faktor yang Baru Selepas Analisis Faktor	197
Rajah 5.7	Kerangka Hasil Dapatan Kajian.....	225
Rajah 7.1	Model konseptual Determinisme dan Possibilisme yang telah diubahsuai daripada Kerry (2007).....	258
Rajah 7.2	Kerangka Teoritikal Hubungan Kemiskinan dengan Alam Sekitar Semula Jadi yang telah diubahsuai daripada Leach & Mearn (1995).....	259

SENARAI SINGKATAN

MEA	Millenium Ecosystem Services
MDG	Millenium Development Goal
SDGs	Suatainable Development Goals
NESC	National Economic and Social Council
CPRs	Common Pool Resources
UNCED	United Nations Conference on Environment & Development
PGK	Pendapatan Garis Kemiskinan
UNDP	United Nation Development Programme
KNK	Keluaran Negara Kasar
OKU	Orang Kurang Upaya
ES	Ecosystem Services
KMM	Kumpulan Miskin Terlampau
MAPEN	Majlis Perundingan Ekonomi Malaysia
RII	Relative Important Index
KMO	Kaiser Meyer Olkin
EFA	Exploratory Factor Analysis
PCA	Principal Component Analysis
SEE	Standard Error of Estimate
MADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda

**ANALISIS FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGGUNAAN
SUMBER ALAM SEMULA JADI DALAM KALANGAN ISI RUMAH
MISKIN LUAR BANDAR DI MUKIM JERLUN, KEDAH, MALAYSIA**

ABSTRAK

Sumber semula jadi seperti sumber tanah, sungai dan sumber laut dapat menyediakan pelbagai manfaat di mana boleh digunakan secara langsung mahupun tidak langsung oleh isi rumah miskin khususnya di kawasan luar bandar. Dalam mengurangkan keadaan kemiskinan, penggunaan sumber semula jadi merupakan satu interaksi penting yang menunjukkan tingkahlaku dan aktiviti yang dilakukan oleh isi rumah miskin terhadap sumber semula jadi dalam mendapatkan manfaat pembekalan untuk meneruskan kehidupan harian. Namun begitu, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi penggunaan sumber semula jadi dalam kalangan isi rumah miskin untuk terus menggunakan sumber semula jadi dalam kehidupan. Tesis ini mempunyai tiga objektif iaitu menentukan bentuk penggunaan sumber semula jadi yang pelbagai oleh isi rumah miskin, menentukan faktor-faktor yang signifikan dan dominan yang mempengaruhi penggunaan manfaat sumber semula jadi yang pelbagai oleh isi rumah miskin dan menganalisis kekuatan hubungan faktor-faktor penggunaan dengan hasil penggunaan sumber semula jadi yang pelbagai. Kajian soal selidik telah dijalankan ke atas 124 ketua isi rumah miskin di Mukim Jerlun, Kedah secara persampelan berbola salji. Data yang diperolehi, telah dianalisis menggunakan Statistical Packages of Social Sciences (SPSS). Analisis faktor dan analisis regresi berganda telah dijalankan bagi mengenal pasti faktor yang signifikan dan dominan dalam mempengaruhi penggunaan sumber semula jadi dan menunjukkan hubungan

faktor-faktor penggunaan dengan hasil penggunaan sumber semula jadi. Hasil analisis telah berjaya menunjukkan bahawa faktor yang mempengaruhi penggunaan setiap sumber semula jadi yang dikaji adalah berbeza. Bagi sumber tanah faktor yang paling signifikan dan dominan adalah faktor sosioekonomi iaitu interaksi sosial. Bagi sumber laut pula, faktor yang signifikan dan dominan adalah faktor temporal iaitu kejadian musim manakala bagi sumber sungai faktor yang signifikan dan dominan adalah faktor risiko iaitu perubahan iklim. Selain itu, hubungan faktor-faktor penggunaan sumber semula jadi dengan hasil manfaat juga telah berjaya dianalisis. Bagi sumber tanah terdapat tiga faktor iaitu faktor sosioekonomi, faktor fizikal dan faktor risiko yang mempunyai hubungan dengan hasil manfaat. Bagi sumber laut pula, empat faktor iaitu faktor sosioekonomi, faktor fizikal, faktor ruangan, faktor temporal dan faktor risiko manakala bagi sumber sungai hanya tiga faktor iaitu faktor fizikal, faktor temporal dan faktor risiko yang mempunyai hubungan dengan hasil manfaat. Kajian ini telah membuka satu ruang untuk memahami penggunaan manfaat pembekalan yang disediakan oleh sumber semula kepada kehidupan orang miskin luar bandar dan dapat menunjukkan bahawa hubungan manusia dengan sumber semula jadi masih penting dan diperlukan dalam kehidupan penduduk miskin luar bandar. Kajian ini juga turut memberi implikasi kepada kerajaan pusat mahupun tempatan di mana penggunaan sumber alam semula jadi merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi dinamika kemiskinan di Malaysia khususnya di kawasan luar bandar. Selain itu, kajian ini juga turut memberi maklumat kepada Kerajaan Negeri Kedah untuk mengesan penduduk miskin dengan lebih tepat supaya program-program dan bantuan kemiskinan tidak bocor dan sampai kepada kumpulan sasaran.

**ANALYSIS OF FACTORS AFFECTING UTILIZATION OF NATURAL
RESOURCES AMONGST POOR RURAL HOUSEHOLD IN THE SUB-
DISTRICT OF JERLUN, KEDAH, MALAYSIA**

ABSTRACT

Natural resources such as land, river and marine resources can provide a variety of benefits which can be utilize directly or indirectly by poor households, especially in rural areas. In reducing the improverished condition, the interaction of the usage of natural resources is important to show the behavior and activities that have been done by the improverished family in reaping its' benefit on a daily basis. Nevertheless, there are several factors that affect the continuous usage of natural resources in the poor household. This thesis has three main objectives, firstly to determine the utilization pattern of various natural resources, second, to identify the significant and dominant factors that affect the utilization pattern by poor households. Lastly, to analyze the strength of the related factors of the results the utilization of various natural resources. The questionnaire survey was conducted on 124 heads of poor households in Mukim Jerlun, Kedah using Snowball Sampling Method. Factor analysis and multiple regression analysis was applied to identify the significant and dominant factors in influencing the utilization of natural resources and the relationship of these factors with the benefits of natural resources. The results shown has proven these factors affecting the utilization of natural resources are different. For land resources, the most significant and dominant factor are socio-economic factors which is social interaction. For marine resources, the significant and dominant factor is the temporal i.e., (events of the season), while the river

resources, the significant and dominant factor is risk factors i.e., (climate change). Besides that, the relationship between factors utilization of natural resources and the benefits from natural resources has been analyzed. For land resources, there are three factors which is socio-economic factors, physical factors and risk factors related to the benefits. For marine resources, the five factors that affect it is socioeconomic factors, physical factors, spatial factor, temporal factors and risk factors. Meanwhile for river resources, there are only three factors namely the physical factors, temporal factors and risk factors that related to the benefits of natural resources. This research has pave a way to understand the benefits provided by the usage of natural resources towards the livelihood of rural poor and to show the inter-dependency between human and natural resources are still essential and necessary in their lives. This research has implication to federal and local government where the natural resources is one of the factors affecting the dynamic of poverty in Malaysia especially rural area. Moreover, this research also gives more information to the Kedah State Government to precisely trace the poor population to ensuring the reducing poverty programs to reducing poverty and poverty aids can be directed toward the targeted group.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Sumber semula jadi dapat ditakrifkan sebagai sumber-sumber yang memberikan sokongan asas kehidupan kepada manusia (Mensah et al., 2007; United States Institute of Peace, 2007) yang baik kepada kehidupan manusia sejagat (World Bank, 2002; World Trade Organization, 2010). Selain itu, Habibah (2013) dan Julia (2007) mengatakan bahawa sumber semula jadi sebagai aset semula jadi yang terdapat di dalam persekitaran yang terbentuk secara semula jadi merangkumi tumbuh-tumbuhan, haiwan, sungai, bukit dan gunung, pantai serta pulau yang mengelilingi kehidupan manusia. Manakala menurut Akta Kualiti Alam Sekeliling Malaysia (1974), sumber semula jadi bermaksud komponen-komponen fizikal yang mengelilingi kehidupan manusia termasuklah tanah, air, udara, iklim, bunyi, bau, rasa, komponen biologi dan juga komponen sosial yang saling bergantung sesama sendiri, di antara komponen biologi dengan komponen fizikal. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa sumber semula jadi merupakan aset semula jadi yang mengelilingi persekitaran kehidupan manusia, serta boleh didapati dan digunakan yang membawa manfaat kepada manusia.

Penduduk miskin merupakan golongan penduduk yang mempunyai purata pendapatan garis kemiskinan (PGK) ialah RM930 di Semenanjung Malaysia, Sabah RM 1170 dan Sarawak RM 990. Manakala bagi orang miskin tegar pula, masing-masing ialah RM 580 di Semenanjung Malaysia, RM 170 di Sabah dan RM 660 di Sarawak (Unit Perancang Ekonomi, 2014). Namun begitu, terdapat beberapa

pengkaji seperti Akindola & Boluwaji (2006); British Department for International Development (2008); Zakiyah (2011); Norzita & Siti Hadijah, (2014); Umoh, 2010; World Bank, 2002, 2012) mengatakan orang miskin merujuk kepada golongan yang tidak mempunyai keupayaan dalam memenuhi keperluan asas kehidupan seperti pemakanan, pendidikan, tempat tinggal dan pakaian serta keperluan relatif iaitu keupayaan untuk mengambil bahagian dalam rekreasi asas dan memenuhi tuntutan sosial. Oleh itu, penduduk miskin dapat disintesis sebagai golongan yang mempunyai pendapatan rendah dan tidak berupaya untuk memiliki keperluan asas sepenuhnya dalam meneruskan kehidupan.

Penyelidikan tentang hubungan manusia dengan sumber alam semula jadi dalam bidang Geografi Manusia telah dikenal pasti bermula pada akhir abad ke-19 hingga awal abad ke-21 lagi (Margit & Zsolt, 2015). Pada abad ke-19, pemikiran hubungan manusia dengan sumber alam semula jadi lebih didominasi oleh pandangan bahawa alam sekitar semula jadi merupakan faktor utama yang mempengaruhi aktiviti dan kehidupan manusia (Kerry, 2007; Sluyter, 2003). Selain itu, terdapat juga pendapat pengkaji lain yang mengatakan bahawa alam sekitar semula jadi yang menentukan budaya serta menghadkan perlakuan manusia atau lebih dikenali sebagai determinisme (Jones, 2011). Sementara itu, pada abad ke-20, manusia telah dikatakan sudah pandai beradaptasi dan bertindak balas dengan alam semula jadi di mana manusia mula pandai menguasai sumber alam semula jadi untuk memenuhi keperluan kehidupan yang dikenali sebagai possibilisme (Kerry, 2007). Hal ini, telah menunjukkan bahawa hubungan manusia dengan sumber semula jadi sudah wujud dan berperanan penting dalam meneruskan kehidupan manusia bagi mencapai kesejahteraan hidup.

Selain itu, hubungan manusia dengan sumber semula jadi juga turut dikenali sebagai ekologi manusia di mana pelbagai pengkajian telah dilakukan untuk mengkaji interaksi yang berlaku dalam kehidupan manusia dengan persekitaran sekeliling manusia (Berkshire, 2012; Kassam et al., 2009; Lawrence, 2015; Marten, 2015; Ogato, 2013; Sutton & Anderson, 2004) di dalam skala dan masa yang berbeza (Berkshire, 2012; Hamilton et al., 2012). Konsep ekologi manusia juga, turut membincangkan tentang penggunaan manusia terhadap alam sekitar ataupun sumber semula jadi sepertimana tindakan manusia dalam menyelesaikan masalah sara hidup mereka, pengurusan mereka terhadap persekitaran, strategi penyesuaian diri dengan persekitaran dan perkongsian maklumat serta ilmu pengetahuan tentang alam sekitar (Sutton & Anderson, 2004). Oleh itu, pengkajian tentang hubungan manusia dengan sumber semula jadi masih perlu lagi diteroka dalam mengenal pasti bagaimanakah manusia menggunakan dan menguruskan sumber semula jadi dalam kehidupan mereka khususnya penduduk miskin.

Penggunaan sumber semula jadi oleh manusia telah menunjukkan suatu hubungan yang telah memperlihatkan tingkah laku manusia terhadap sumber semula jadi (Fischer et al., 2012; Liu et al., 2012) untuk meneruskan kehidupan. Penggunaan sumber semula jadi merupakan cara-cara atau aktiviti yang dijalankan oleh sesebuah keluarga untuk mendapatkan keperluan asas yang diperlukan dalam meneruskan kehidupan (Alinovi et al., 2010; Babulo et al., 2008; Fang et al., 2014; Serrat, 2010; Xu et al., 2015). Seperti kajian telah dilakukan oleh Elliott, Grahn, Sriskanthan, & Arnold (2002); Rietbergen et al. (2002) yang mendapati bahawa sebanyak 70-75 peratus penduduk miskin bergantung dengan sumber semula jadi untuk meneruskan hidup serta menjadi penampan kepada masalah kemiskinan. Dapatan ini, turut disokong oleh Angelsen et al. (2011); Jerneck (2015) yang mendapati penduduk

miskin lebih cenderung menggunakan sumber semula jadi untuk mendapatkan keperluan asas bagi meneruskan kehidupan harian mereka khususnya dalam bekalan makanan.

Selain daripada bekalan makanan, penggunaan sumber semula jadi juga turut dikatakan sebagai aktiviti yang boleh menjana pendapatan untuk meneruskan kehidupan (Alemu, 2012; Braima, Walker, Rigon & Sellu, 2017; Derbile, 2010; Lax, 2013; Olsson, Opondo, Tschakert, Agrawal, Eriksen, Ma & Perch, 2014; Rahut et al., 2016). Fonta et al. (2011) telah membuktikan bahawa melalui penggunaan sumber semula jadi telah meningkatkan sebanyak sepuluh peratus pendapatan isi rumah miskin justeru dapat mengurangkan sebanyak 4.9 peratus jumlah penduduk miskin di kawasan luar bandar, Nigeria. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa penggunaan sumber alam semula jadi dapat membantu penduduk di luar bandar dalam mendapatkan bekalan makanan dan sumber pendapatan. Hal ini menunjukkan bahawa, penggunaan sumber alam semula jadi merupakan satu medium pergantungan penduduk miskin khususnya yang berada di kawasan luar bandar untuk mendapatkan keperluan asas kehidupan serta sumber ekonomi. Jadi, penting bagi kita meneroka penggunaan sumber semula jadi yang dilakukan oleh penduduk miskin untuk mendapatkan manfaat yang disediakan oleh sumber semula jadi di kawasan tempat tinggal mereka dalam mengurangi masalah kemiskinan yang mereka hadapi.

1.2 Isu dan Permasalahan Kajian

Kemiskinan dan sumber alam semula jadi mempunyai hubungan yang berkait rapat dalam menyokong kehidupan penduduk miskin (Nyumbu, 2013; Santos-Martín et al., 2013). Menurut Hetzler (2012); World Bank (2012) kehidupan dan kesejahteraan manusia turut bergantung kepada penggunaan sumber semula jadi. Perihal ini dapat

dibuktikan oleh Walelign (2015) di dalam kajiannya, yang mendapati bahawa ekonomi luar bandar bagi setiap negara membangun sangat bergantung pada manfaat yang disediakan oleh sumber semula jadi di kawasan tempat tinggal mereka. Marc et al. (2005) mendapati bahawa sumber semula jadi dikatakan telah memberi banyak manfaat kepada manusia di dunia ini seperti bekalan makanan yang mencukupi, kualiti air dan udara yang bersih, tahap kesihatan yang baik, kemudahan tempat tinggal yang selesa, kitaran nutrien serta ruang untuk rekreasi yang mampu memenuhi keperluan asas manusia sama ada secara langsung atau tidak langsung. Jadi, penduduk miskin telah dijadikan sebagai asas kajian ini dalam mengkaji bagaimana mereka menggunakan sumber semula jadi yang terdapat di kawasan tempat tinggal mereka dalam meneruskan kehidupan mereka.

Berbalik kepada kajian ini, penduduk miskin merupakan agen ataupun pengguna sumber semula jadi dalam meneruskan kehidupan mereka. Penggunaan sumber semula jadi merupakan penentu penting dalam membentuk status kemiskinan dan kesejahteraan hidup (World Bank, 2002). Tambahan itu, penggunaan sumber semula jadi juga sering kali dikaitkan dengan aktiviti sosial penduduk miskin seperti memburu, bercucuk tanam, menangkap ikan dan memungut hasil hutan (Sluyter, 2003) dalam memenuhi keperluan kehidupan, sara hidup dan pendapatan yang boleh menjadi penampakan kepada kekurangan makanan dan ekonomi (Jeff Brokaw, 2006). Seperti kajian yang dilakukan oleh Rietbergen et al. (2002) telah mendapati sebanyak 75 peratus golongan penduduk miskin di dunia ini yang tinggal di kawasan luar bandar kebanyakannya bergantung dengan sumber semula jadi untuk meneruskan kehidupan mereka.

Sehubungan dengan itu, *United Nation Environment Programme*, UNEP (2020) turut melaporkan 70 peratus penduduk lelaki dan wanita miskin di dunia telah

menggunakan sumber alam semula jadi seperti tanah untuk pertanian, padang rumput, hutan, air tawar dan laut merupakan penyumbang utama kepada pendapatan isi rumah miskin di seluruh dunia. Selain itu, terdapat beberapa laporan seperti *Millenium Development Goal* (MDG) dan *Millenium Ecosystem Assessment* (MEA) yang menggunakan peranan sumber semula jadi dalam mengurangkan masalah kemiskinan (Roe, 2004) dan kesejahteraan hidup orang miskin (*Millenium Ecosystem Assessment*, 2003). Selain itu, kebanyakan kajian mengenai pengurangan masalah kemiskinan lebih menfokuskan kepada tingkat pendapatan, pendidikan, kesihatan, tempat perlindungan tetapi kurang mendalami tentang penggunaan sumber alam semula jadi dalam mempengaruhi dinamika kemiskinan khususnya di kawasan luar bandar. Oleh itu, kajian ini bertanggungjawab untuk mencerap dari aspek aktiviti yang dilakukan oleh penduduk miskin, dan hasil manfaat yang diperolehi oleh sumber semula jadi untuk digunakan dalam kehidupan khususnya di dalam manfaat pembekalan. Selain itu, menurut konsep ekologi manusia juga, turut membincangkan bahawa penggunaan manusia terhadap sumber alam sekitar semula jadi lebih kepada bagaimana manusia itu bertindak dalam menyelesaikan masalah kehidupan mereka kerana penggunaan sumber semula jadi menjadi berbeza sekiranya ruang dan masa juga berbeza.

Selain itu, berdasarkan kajian-kajian lepas tentang hubungan manusia dengan sumber semula jadi telah menunjukkan bahawa kajian yang telah dijalankan lebih memberi penekanan kepada satu sumber semula jadi sahaja dalam menilai manfaat yang diterima oleh penduduk sama ada penduduk di kawasan bandar mahupun luar bandar dalam kehidupan mereka. Megikut teori sistem kompleks (*complex system*) manusia menyesuaikan diri atau mengubah tingkah laku mereka mengikut masa terhadap sumber semula jadi yang terdapat di sekeliling mereka untuk meningkatkan

peluang hidup dan kejayaan dalam kehidupan (Craig, 2017). Hal ini bermakna, manusia tidak hanya menumpukan kepada satu sumber sahaja tetapi manusia menggunakan pelbagai sumber alam semula jadi dalam meningkatkan peluang kehidupan.

Berikut merupakan pengkaji yang mengkaji kehidupan penduduk miskin dengan mengfokuskan kepada satu sumber semula jadi sahaja. Seperti kajian penggunaan sumber semula jadi hutan dalam membantu penduduk miskin dalam mencapai kesejahteraan hidup dan sumber ekonomi (Adekunle et al., 2013; Aggrey et al., 2010; Amechi, 2009; Angelsen et al., 2014; Birch et al., 2014; Fonta et al., 2011; Ghani, 2009; Jerneck, 2015; Langat et al., 2016; Melorose et al., 2015; Ollinger & Hampshire, 2002; Penttinen, 2008; Soma Saha, 2014). Manakala penggunaan bagi sumber pantai dan marin pula dalam menilai peranan sumber marin sebagai sumber ekonomi dan manfaat yang disediakan oleh sumber pantai dan marin terhadap kesejahteraan hidup nelayan (Araya, 2005; Atkins et al., 2011; McKenney & P. Tola, 2002; Everard et al., 2014; Hetzler, 2012; Hossain & Dearing, 2015; Hussain et al., 2011; Koubi et al., 2008; Raymond et al., 2013; Sandifer et al., 2015; Shaladdin et al., 2009; Singh, 2012).

Manakala kajian penggunaan sumber semula jadi tanah yang mengfokuskan kepada aktiviti pertanian yang boleh mengurangkan masalah kemiskinan, dan membawa kepada kesejahteraan hidup manusia (Asah et al., 2014; Bahn et al., 2005; Balcha, 2013; Bretones & Gonzalez, 2011; Brouwer et al., 2013; Siti Hadijah et al., 2012; Engel et al., 2008; Marc et al., 2005; Naeem et al., 1999; Penttinen, 2008; Robabank, 2011; Robertson et al., 2014; Umoh, 2010; Van Den Belt & Blake, 2014; York et al., 2003; Yusof et al., 2013). Oleh itu, kajian ini bertanggungjawab untuk mengkaji penggunaan sumber semula jadi yang pelbagai iaitu melebihi daripada

penggunaan satu sumber alam semula jadi dalam kalangan penduduk miskin. Sementara itu, kajian ini juga turut meneliti bagaimana penduduk miskin membuat pemilihan aktiviti terhadap sumber alam semula jadi dalam mendapatkan manfaat pembekalan yang disediakan oleh sumber alam semula jadi. Dalam erti kata lain, kajian ini turut mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan aktiviti penduduk miskin menggunakan sumber alam semula jadi.

Sehubungan itu, penggunaan sumber alam semula jadi menjadi berbeza apabila masa dan ruang turut berbeza (Neyt, 2014). Pernyataan ini, turut disokong oleh Hussain et al. (2011) yang menyatakan manfaat dan fungsi sumber alam semula jadi menjadi berbeza daripada suatu tempat dengan tempat yang lain. Hal ini bermakna, kewujudan sumber alam semula jadi dapat membentuk sesuatu ciri budaya kepada sesuatu tempat seperti aktiviti harian, pekerjaan, dan cara hidup penduduk yang berada di kawasan sekitar tersebut. Thongyou (2014) telah membuktikan di dalam kajiannya bahawa perubahan kehidupan isi rumah akan mengalami perubahan apabila aktiviti atau keadaan persekitaran berubah. Permasalahannya di sini, adalah faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan sumber semula jadi juga menjadi berbeza apabila sumber semula jadi didapati di tempat berbeza. Hal ini menunjukkan bahawa sesuatu tempat yang mempunyai sumber alam semula jadi mempunyai faktor-faktor yang berbeza yang mempengaruhi penduduk menggunakan sumber alam semula jadi tersebut. Oleh itu, kajian ini bertanggungjawab dalam mengenal pasti faktor-faktor yang signifikan dan dominan dalam mempengaruhi penggunaan sumber alam semula jadi dalam kalangan penduduk miskin di kawasan luar bandar.

Di samping itu, hubungan penggunaan sumber alam semula jadi dengan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan sumber alam semula jadi juga turut

diteliti. Hal ini kerana, adakah penggunaan sumber alam semula jadi yang pelbagai mempunyai hubungan kolerasi dengan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan sumber alam semula jadi yang terdapat di kawasan isi rumah miskin serta bagaimana mereka menguruskan dan mengatur aktiviti penggunaan sumber semula jadi yang pelbagai dalam meneruskan kehidupan mereka. Oleh itu, wajar untuk kita mengkaji tentang penggunaan sumber alam semula jadi oleh isi rumah miskin kerana dapat menunjukkan kepada kita bagaimana peranan sumber alam semula jadi yang pelbagai dalam membantu kehidupan isi rumah miskin justeru dapat memberikan kehidupan yang lebih selesa dan membolehkan penduduk miskin dapat mengurangkan masalah kemiskinan yang mereka hadapi.

Berkaitan dengan pemilihan lokasi kajian, Mukim Jerlun yang terletak di daerah Kubang Pasu, Kedah telah dipilih untuk dijadikan kawasan kajian kerana insiden kemiskinan yang berlaku di negeri Kedah menunjukkan penurunan dari tahun 2015 (2.25%) hingga 2017 (1.99%). Tetapi jika dibandingkan insiden kemiskinan tahun 2014 dan tahun 2017 menunjukkan peningkatan daripada 1.69 peratus kepada 1.99 peratus dalam Jadual 1.1. Hal ini menunjukkan bahawa insiden kemiskinan masih lagi wujud walaupun pelbagai program pembasmian kemiskinan dilakukan.


Jadual 1.1: Statistik Insiden Kemiskinan Negeri Kedah Tahun 2014-2017

Data	2014	2015	2016	2017
Kadar Kemiskinan (%)	1.69	2.25	2.19	1.99

(Sumber: Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kedah, 2017)

Hal ini, turut dapat dibuktikan dengan jumlah kemiskinan yang terdapat di setiap mukim dalam daerah Kubang Pasu, Kedah. Menurut Rajah 1.1 mukim yang mempunyai penduduk miskin yang tinggi adalah Mukim Jerlun iaitu 385 orang

manakala Mukim Sanglang adalah kedua tertinggi iaitu 232 orang penduduk miskin dan Mukim Wang Tepus adalah mukim yang mempunyai penduduk miskin yang terendah iaitu 12 orang sahaja yang berdaftar dengan E-Kasih. Oleh hal yang demikian, Mukim Jerlun telah dipilih sebagai kawasan kajian kerana mempunyai jumlah penduduk miskin yang tertinggi dalam daerah Kubang Pasu, Kedah.



Rajah 1.1: Jumlah Penduduk Miskin Mengikut Mukim dalam Daerah Kubang Pasu

1.3 Persoalan Kajian

Dalam tesis ini, terdapat tiga persoalan penting yang ingin dikaji oleh penyelidik iaitu;

1. Apakah aktiviti dan bagaimana penggunaan sumber semula jadi yang pelbagai oleh isi rumah miskin dalam kehidupan mereka?
2. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan sumber alam semula jadi yang pelbagai?

3. Bagaimanakah hubungan faktor-faktor penggunaan sumber alam semula jadi dengan hasil manfaat penggunaan sumber alam semula jadi?

1.4 Objektif Kajian

1. Menentukan bentuk penggunaan sumber alam semula jadi yang pelbagai oleh isi rumah miskin
2. Menentukan faktor-faktor signifikan dan dominan yang mempengaruhi penggunaan manfaat sumber alam semula jadi yang pelbagai oleh isi rumah miskin
3. Menganalisis kekuatan hubungan faktor-faktor penggunaan dengan hasil penggunaan sumber alam semula jadi yang pelbagai

1.5 Skop Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada penggunaan sumber alam semula jadi yang pelbagai oleh isi rumah miskin yang membantu mereka dalam meneruskan hidup. Sehubungan itu, kajian ini akan meneroka apakah aktiviti dan cara yang dilakukan oleh isi rumah miskin dalam menggunakan sumber alam semula jadi yang pelbagai. Sementara itu, faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan sumber alam semula jadi juga turut dikaji bagi mengetahui faktor yang manakah lebih dominan dan signifikan dalam mempengaruhi penggunaan sumber alam semula jadi. Selain itu, hubungan di antara jumlah hasil penggunaan sumber alam semula jadi dengan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan sumber alam semula jadi juga akan dianalisis. Di samping itu, kajian yang dijalankan ini tidak mengambil kira faktor politik dalam mempengaruhi pemilihan responden dan kawasan kajian tetapi adalah berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi dalam e-kasih dan penduduk yang menggunakan tiga sumber semula jadi dalam kehidupan mereka.

Sehubungan itu, kajian ini juga telah menetapkan elemen tanah, sungai dan laut sebagai sumber semula jadi yang akan digunakan dalam mengkaji bagaimanakah cara dan aktiviti isi rumah miskin dalam menggunakan sumber semula jadi tersebut dalam kehidupan mereka. Sejurus dengan itu, faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan sumber semula jadi juga turut dikaji. Bagi menjalankan penyelidikan ini, pengkaji akan menggunakan kaedah pemerhatian, soal selidik dan temu bual secara tidak langsung bagi menjawab semua persoalan kajian dan seterusnya mencapai objektif kajian. Responden untuk menjawab soal selidik juga telah ditetapkan oleh pengkaji iaitu ketua isi rumah miskin sebagai wakil untuk isi rumah miskin. Di samping itu, terdapat beberapa analisis akan digunakan yang telah dikenal pasti iaitu analisis deskriptif, analisis faktor bagi menilai faktor-faktor yang dominan dan signifikan yang mempengaruhi penggunaan sumber semula jadi.

Bagi kawasan kajian pula, pengkaji telah memilih kawasan di negeri Kedah iaitu Mukim Jerlun di daerah Kubang Pasu. Hal ini demikian kerana, Mukim Jerlun merupakan mukim yang mempunyai ramai penduduk miskin luar bandar berbanding dengan kawasan yang lain berdasarkan data penduduk miskin di dalam E-kasih. Selain itu, berdasarkan pemerhatian awal pengkaji di Mukim Jerlun juga telah didapati mempunyai beberapa sumber semula jadi yang terdapat di kawasan itu seperti sungai, laut dan juga tanah yang sesuai untuk menjalankan kajian ini yang mengkaji penggunaan sumber semula jadi yang pelbagai.

1.6 Kepentingan dan Sumbangan Kajian

Kajian ini merupakan kajian berkaitan dengan masalah kemiskinan dengan sumber alam semula jadi. Oleh itu, kajian ini meneroka aktiviti penggunaan penduduk miskin terhadap sumber semula jadi untuk mendapatkan manfaat pembekalan bagi meneruskan kelangsungan hidup serta mengurangkan masalah kemiskinan yang

dihadapi oleh penduduk miskin. Hal ini, menjadi satu alternatif bagi membantu penduduk miskin luar bandar untuk keluar daripada kepompong kemiskinan di Malaysia seperti di dalam *Sustainable Development Goals* (SDGs) yang menjadikan isu kemiskinan sebagai objektif pertama iaitu tiada kemiskinan. Dalam erti kata lain, tamatkan masalah kemiskinan yang berlaku di setiap tempat di dunia ini.

Selain itu, kajian tentang sumber alam semula jadi, penting untuk menilai sosio-ekonomi, budaya dan ekologi yang penting bagi memenuhi pencapaian Wawasan 2030. Wawasan ini menekankan pemuliharaan sumber semula jadi dengan semula jadi (National Economic and Social Council NESC, 2006). Walau bagaimanapun, kemerosotan sumber semula jadi dan alam sekitar telah dikaitkan dengan konflik di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan tempatan (Okech, 2010). Jadi, kajian boleh memberi maklumat yang diperlukan bagi pemuliharaan, perlindungan dan pengurusan kawasan kajian untuk sokongan kehidupan isi rumah miskin (Mathenge, 2013). Selain itu, kajian ini juga turut menyumbangkan kepada pemuliharaan dan pengurangan kemiskinan dalam kebergantungan penduduk miskin terhadap penggunaan sumber alam semula jadi dan dapat memberikan maklumat tentang keberkesanan dalam menguruskan sumber alam semula jadi dalam bentuk “*common pool*” untuk meningkatkan hasil penggunaan sumber semula jadi dalam kalangan penduduk miskin.

Kajian ini juga, memberikan pendekatan yang menyeluruh untuk metodologi penyelidikan antara disiplin yang mengintegrasikan konsep dari ekologi, sains sosial, politik dan bidang-bidang lain untuk lebih memahami sistem pengurusan ekosistem dan perkhidmatan ekosistem. Seterusnya, sumbangan kepada bukti dan pengetahuan asas mengenai hubungan kemiskinan dan alam sekitar semula jadi kepada penduduk luar bandar mengenai perkhidmatan ekosistem dan cara bagaimana mengendalikan

perkhidmatan ekosistem dengan baik juga turut dilaksanakan, untuk menjamin kesejahteraan hidup penduduk khususnya penduduk miskin. Selain itu, kajian ini juga dapat mengumpul maklumat mengenai strategi penduduk menggunakan manfaat pembekalan dalam kehidupan seharian yang mempengaruhi pendapatan dalam kehidupan mereka. Maklumat ini begitu penting dan akan digunakan dalam membuat dasar khususnya dalam aktiviti pembangunan sama ada di peringkat lokal dan global.

1.7 Organisasi Kajian

Secara keseluruhannya, terdapat sebanyak tujuh bab di dalam tesis ini. Bab 1 menghuraikan tentang latar belakang kajian, justifikasi kajian, permasalahan kajian, objektif kajian dan persoalan kajian. Seterusnya skop kajian, kepentingan kajian dan sumbangan kajian dan akhir sekali adalah organisasi kajian turut dibincangkan.

Di dalam bab 2 meneliti tentang literatur yang berkaitan dengan isu yang dikaji. Bab ini bermula dengan penjelasan teori yang menjadi asas dalam kajian ini dan seterusnya konsep dan definisi asas di dalam kajian ini iaitu penggunaan sumber alam semula jadi, sumber alam semula jadi, perkhidmatan ekosistem, dan kemiskinan. Sehubungan itu, bab ini juga turut menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan sumber alam semula jadi yang telah didapati daripada pengkaji-pengkaji terdahulu. Sementara itu, hubungan sumber alam semula jadi dengan kemiskinan juga turut dibincangkan dalam bab ini. Kajian-kajian lepas yang dilakukan sama ada di luar negara mahupun dalam negara turut dibincangkan sebagai bukti dan penjelasan di dalam bab seterusnya khususnya di dalam perbincangan hasil kajian.

Bab 3 membincangkan kaedah kajian yang dipilih dan digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan jawapan bagi setiap persoalan kajian dan mencapai

objektif kajian. Kajian ini telah menggunakan kaedah penyelidikan berbentuk kuantitatif kerana kajian ini lebih menumpukan kepada penentuan perhubungan dan interaksi antara pemboleh ubah terutamanya bagi mengkaji hubungan antara konstruk. Selain itu, kajian ini menggunakan instrumen soal selidik untuk mendapatkan data daripada responden iaitu penduduk miskin. Data-data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan beberapa analisis statistik seperti analisis faktor, analisis regresi berganda untuk mencapai objektif kajian. Selain itu, bab ini juga turut membincangkan tentang latar belakang lokasi kajian yang dipilih oleh pengkaji.

Bab 4 mengenai keputusan kajian yang diperolehi berdasarkan maklum balas daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada responden. Keputusan kajian yang diperolehi merangkumi profil demografi responden, tahap pengetahuan responden terhadap manfaat yang disediakan oleh sumber semula jadi, corak penggunaan penduduk miskin terhadap sumber alam semula jadi

Bab 5 mengenai analisis faktor dan hubungan di antara faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan sumber alam semula jadi dalam kalangan isi rumah miskin di kawasan Mukim Jerlun, Kedah.

Bab 6 pula, akan mengupas secara mendalam tentang penggunaan sumber alam semula jadi dalam kalangan isi rumah miskin, faktor-faktor yang signifikan dan dominan dalam mempengaruhi penggunaan sumber alam semula jadi dan hubungan di antara faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan sumber alam semula jadi dengan hasil manfaat yang diperolehi daripada penggunaan sumber alam semula jadi bersama dengan pembuktian sokongan daripada kajian-kajian yang terdahulu.

Bab 7 merupakan bab yang terakhir yang merumuskan hasil kajian yang menjawab setiap persoalan dan mencapai objektif kajian. Selain itu, sumbangan hasil kajian kepada bidang ilmu akademik dan negara serta cadangan kajian lanjutan yang boleh dilakukan pada masa hadapan.

1.8 Kesimpulan

Bab ini merupakan pengenalan terhadap rangka penyelidikan yang menggambarkan secara umum idea keseluruhan kajian. Bab ini juga, menghuraikan latar belakang pemilihan topik, isu dan permasalahan kajian, objektif kajian dan skop kajian sebagai persediaan dalam mencapai objektif kajian. Selain itu, bab ini juga turut menyatakan dengan secara ringkas mengenai organisasi bab yang terkandung dalam tesis ini.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan


Bab ini bermula dengan penjelasan teori yang menjadi asas dalam kajian ini, dan teori-teori yang berkaitan dengan kajian ini seterusnya konsep dan definisi asas di dalam kajian ini iaitu penggunaan sumber alam semula jadi, sumber alam semula jadi, perkhidmatan ekosistem, dan kemiskinan. Sehubungan itu, bab ini juga turut menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan sumber alam semula jadi yang telah didapati daripada pengkaji-pengkaji terdahulu. Sementara itu, hubungan sumber alam semula jadi dengan kemiskinan, penilaian sumber alam semula jadi dengan strategi kehidupan dan penilaian terhadap perkhidmatan ekosistem dalam kehidupan juga turut dibincangkan dalam bab ini. Kajian-kajian lepas yang dilakukan sama ada di luar negara mahupun dalam negara turut dibincangkan di dalam bab ini.

2.2 Teori Determinisme dan Possibilisme

Penyelidikan tentang hubungan manusia dengan sumber alam semula jadi dalam bidang Geografi Manusia telah dikenal pasti bermula pada akhir abad ke-19 hingga awal abad ke-20 lagi (Getis et al., 2014; Margit et al. 2015). Konsep determinisme merujuk kepada alam sekitar semula jadi merupakan faktor utama yang mempengaruhi aktiviti dan kehidupan manusia seperti tindakan manusia dan pemikiran manusia (Fellmann et al., 2003; Getis et al., 2014; Kerry, 2007; Sluyter, 2003), menentukan budaya serta menghadkan perlakuan manusia (Jones, 2011), memainkan peranan penting dalam menentukan budaya sesuatu masyarakat (Morris

Freilich (1967): dalam Neyt, 2014), memberikan budaya yang sama seperti gaya hidup komuniti, aktiviti yang dilakukan dan sebagainya (Fekadu, 2014; Jones, 2011; Neyt, 2014; Ocansey, 2016).

Selain itu, Ocansey (2016) dan Vedwan Neeraj (2006) juga turut menyatakan bahawa Determinisme adalah satu teori yang menganggap manusia sebagai ajen pasif dipengaruhi oleh faktor-faktor geografi yang boleh menentukan sikap dan gaya hidup manusia. Kerry (2007) telah memperkenalkan satu model ringkas yang menunjukkan hubungan antara sumber alam semula jadi dengan manusia yang berlandaskan teori Determinisme seperti Rajah 2.1:




Rajah 2.1: Konsep Model Determinisme

Sementara itu, pada abad ke-20 manusia dikatakan telah pandai beradaptasi dan bertindak balas dengan alam semula jadi di mana manusia tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada persekitaran semula jadi mula menguasai sumber alam semula jadi untuk memenuhi keperluan kehidupan dan ini dikenali sebagai Possibilisme (Kerry, 2007). Berdasarkan Fellmann et al. (2003) dan Getis et al. (2014) telah menyatakan bahawa konsep Possibilisme merujuk kepada pembangunan manusia tidak sepenuhnya dipengaruhi oleh alam sekitar fizikal tetapi manusia memerlukan inovasi, tahap teknologi yang akan memberikan pembangunan budaya di sesuatu tempat. Perihal ini, telah menunjukkan bahawa hubungan manusia dengan sumber semula jadi yang terjadi hasil daripada tindak balas dan adaptasi terhadap

persekitaran manusia dalam meneruskan kehidupan manusia demi mencapai kesejahteraan hidup.

Seiring dengan hubungan manusia dengan alam sekitar semula jadi, perkembangan teknologi juga turut mengubah penggunaan sumber alam semula jadi tradisional kepada penggunaan yang lebih moden (Fekadu, 2014). Hal ini menyebabkan manusia dapat membuat pilihan untuk menggunakan sumber alam semula jadi dalam memenuhi keperluan kehidupan. Manakala hubungan alam sekitar dengan faktor budaya pula, di dalam teori Possibilisme telah menunjukkan hubungan yang terhad iaitu alam sekitar tidak sepenuhnya mempengaruhi kehidupan manusia (Fekadu, 2014; Vedwan Neeraj, 2006). Rajah 2.2 merupakan model konsep Possibilisme yang diperkenalkan oleh Kerry (2007) dalam menerangkan hubungan manusia dengan sumber alam semula jadi apabila manusia sudah pandai beradaptasi dan bertindak balas dengan sumber semula jadi dan alam sekitar;



Rajah 2.2: Konseptual Model Possibilisme

Berdasarkan teori Determinisme dan Possibilisme, telah menunjukkan bahawa hubungan manusia dengan sumber alam semula jadi telah wujud sejak dahulu lagi. Kedua-dua konsep ataupun doktrin ini masih relevan di era moden ini khususnya dalam menilai hubungan manusia dengan alam sekitar semula jadi.

Seiring dengan itu, hubungan manusia dengan alam sekitar semula jadi telah berubah dari semasa ke semasa dan bergantung pada ruang, masa dan tempat (Harden, 2012). Perubahan ini menunjukkan kehidupan manusia sudah berkembang dari segi aspek sosial dan fizikal serta dapat menguasai alam sekitar semula jadi untuk memenuhi keperluan sebagai tuntutan ekonomi dan kehidupan. Dalam dunia ini, taburan kepelbagaian ekonomi tidak bergantung pada proses pembangunan sahaja tetapi turut bergantung pada keadaan fizikal dan sumber semula jadi (Freilich, 1967). Oleh itu, kebijakan manusia dalam penyesuaian diri terhadap persekitaran khususnya penggunaan sumber alam semula jadi yang tersedia ada di kawasan tempat tinggal merupakan elemen penting untuk mendapat faedah yang sebenarnya daripada sumber semula jadi yang bernilai di dalam kehidupan.

Oleh itu, konsep Determenisme dan Possibilisme merupakan dua falsafah elit dalam bidang Geografi yang menekankan konsep hubungan manusia dengan alam sekitar semula jadi. Tetapi, kedua-dua doktrin ini mempunyai perbezaan konsep dalam menerangkan hubungan manusia dengan alam sekitar semula jadi serta membincangkan keadaan manusia itu dilihat sebagai agen pasif atau agen aktif apabila berinteraksi dengan alam sekitar. Seperti Fedaku (2014); Fellmann et al., (2003); Getis et al., (2014); Kerry (2007); Jones (2011); Sluyter (2003); Vedwan Neeraj (2006) menyatakan bahawa doktrin determinism adalah berdasarkan kejadian alam atau fenomena sosial yang berlaku disebabkan oleh undang-undang alam semula jadi yang mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan manusia seperti aktiviti ekonomi, budaya dan agama, politik dan tamadun, kesihatan, dan tingkah laku manusia.

Manakala dari aspek pemikiran posibilisme pula, Fellmann et al., (2003); Getis et al. (2014); Kerry (2007); Sluyter (2003); Vedwan Neeraj (2006) manusia sudah berinovasi, dan dapat menyesuaikan diri dengan alam sekitar fizikal dalam

meneruskan kehidupan. Dalam erti kata lain, manusia tidak sepenuhnya dikawal oleh alam sekitar semula jadi dan manusia merupakan agen yang bebas terhadap alam sekitar semula jadi yang akan mempengaruhi keputusan manusia dan tindakan manusia terhadap persekitaran.

Berbalik kepada kajian hubungan manusia dengan alam sekitar semula jadi, kedua-dua doktrin ini mempunyai perkaitan yang utuh khususnya dalam penggunaan manusia terhadap alam sekitar semula jadi dalam meneruskan kehidupan (Milner-Gulland, 2012; Rosa & Silvia, 2019). Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan dengan menggunakan konsep hubungan manusia dengan persekitaran semula jadi sebagai teras penyelidikan dalam mempengaruhi aktiviti manusia dalam meningkatkan taraf kesihatan iaitu kesihatan fizikal, mental dan sosial (Seymour, 2016), aktiviti pertanian (Innes et al., 2013; Vedwan Neeraj, 2006). Selain itu, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi penggunaan penduduk terhadap alam sekitar semula seperti faktor persekitaran (Seymour, 2016), perubahan iklim (Vedka Neeraj, 2006) dan perubahan sumber alam semula jadi (Innes et al., 2013). Berdasarkan kajian-kajian berikut, telah menunjukkan usaha untuk meningkatkan lagi pemahaman tentang konteks hubungan manusia dengan persekitaran semula jadi, melalui kajian tentang tingkah laku dan aktiviti manusia terhadap penggunaan persekitaran semula jadi tetapi masih tidak mencukupi.


Oleh hal yang demikian, aspek faktor-faktor yang mempengaruhi manusia dalam membuat pemilihan aktiviti yang menggunakan persekitaran semula jadi perlu dikaji dengan lebih komprehensif dan mendalam untuk menerangkan bagaimana manusia membuat keputusan dalam memilih aktiviti yang akan dilakukan untuk menggunakan persekitaran semula jadi dalam kehidupan mereka. Jadi, kajian ini akan menggunakan konsep hubungan manusia dengan alam sekitar semula jadi tetapi

lebih menfokuskan kepada golongan penduduk miskin di kawasan luar bandar dalam menggunakan sumber alam semula jadi untuk mendapatkan manfaat sumber semula jadi yang terdapat di kawasan penempatan mereka. Hal ini demikian kerana, manusia yang tinggal di kawasan luar bandar lebih cenderung mempunyai hubungan dengan sumber alam semula jadi berbanding dengan manusia yang tinggal di kawasan bandar (Hinds & Sparks, 2008; Muslim et al., 2017). Oleh itu, penduduk miskin di kawasan luar bandar merupakan agen yang akan membuat pemilihan aktiviti yang akan dilakukan untuk menggunakan sumber alam semula jadi dalam memperoleh manfaat daripada sumber alam semula jadi.

Jadi, teori Determinisme dan Posibilisme digunakan dalam kajian ini kerana mendukung konsep asas bagi menunjukkan hubungan yang wujud di antara manusia dengan sumber alam semula jadi yang membentuk corak kehidupan. Hubungan manusia dengan alam sekitar semula jadi yang diterangkan dalam kedua-dua teori ini, telah menunjukkan bahawa kehidupan manusia dipengaruhi dengan persekitaran sekeliling mereka serta manusia juga boleh mengadaptasi dan menyesuaikan diri dengan persekitaran dalam membentuk corak kehidupan.

Selain itu, kajian ini juga turut menggunakan kerangka teoritikal tentang hubungan di antara kemiskinan dengan alam sekitar semula jadi yang dipetik daripada Leach & Mearn (1995) dalam Mohd Elias & Chamhuri Siwar (2008) seperti Rajah 2.3 menerangkan bahawa kemiskinan merujuk kepada penduduk miskin yang bergantung kepada ketersediaan alam sekitar semula jadi seperti sumber sungai, tanah, dan sumber laut yang terdapat kawasan penempatan mereka. Melalui ketersediaan alam sekitar semula jadi, turut memberi kesan kepada interaksi penduduk miskin khususnya membuat keputusan dan amalan pengurusan terhadap alam sekitar semula jadi yang menyebabkan berlakunya perubahan kepada alam

sekitar semula jadi untuk mendapatkan hasil manfaat yang disediakan oleh alam sekitar semula jadi. Berdasarkan teoritikal ini, kajian ini akan menyediakan senarai faktor yang mempengaruhi tindakan penduduk miskin untuk menggunakan sumber semula jadi dalam menentukan aktiviti dan pengurusan mereka terhadap sumber alam semula jadi dan hasil yang diperolehi daripada penggunaan sumber alam semula jadi dalam kehidupan mereka turut dikaji.



Rajah 2.3: Kerangka Teoritikal Hubungan Kemiskinan dengan Alam Sekitar Semula Jadi (Leach & Mearn, 1995, dipetik dalam Mohd Elias & Chamhuri Siwar, 2008)

2.3 Teori Ekologi Manusia

Perkataan “ekologi” wujud daripada abad ke-19 manakala perkataan ekologi manusia pula pertama kalinya digunakan pada tahun 1908 yang menekankan hubungan persekitaran dengan manusia (Berkshire, 2012; Marten, 2015). Ekologi manusia (*human ecology*) merupakan satu kajian yang membincangkan tentang hubungan antara manusia dengan alam sekitar di dalam pelbagai skala dan masa yang berbeza (Berkshire, 2012; Hamilton et al., 2012). Manakala berdasarkan Park & Burgess

(1921) dalam Lawrence (2015), ekologi manusia merupakan satu kajian mengenai aspek ruang, masa serta hubungan manusia.

Terdapat pelbagai istilah mengenai teori ekologi manusia seperti yang dijelaskan oleh Hamilton et al. (2012) ekologi manusia merupakan kajian yang lebih cenderung kepada persoalan bagaimana sumber alam sekitar yang dikongsi bersama manusia dan biotik yang lain serta mengenal pasti keadaan yang sedia ada serta cadangan alternatif sekiranya persekitaran alam sekitar berubah yang boleh membawa masalah kepada kehidupan manusia untuk meningkatkan kualiti alam sekitar, dan menjamin kesejahteraan hidup manusia. Manakala, Bates & Tucker (2010) pula menjelaskan bahawa ekologi manusia adalah kajian yang menunjukkan gambaran keseluruhan tentang pemikiran persekitaran semasa iaitu kajian yang menumpukan kepada implikasi dan penilaian terhadap polisi persekitaran semasa, dan usaha pembangunan yang akan membawa kepada perubahan kepada persekitaran justeru bagaimana manusia mengurus sumber alam semula jadi serta kesejahteraan hidup mereka. Dalam erti kata lain, satu orientasi teori yang menekankan kepada penyelesaian masalah yang signifikan terhadap budaya dan perilaku manusia, perolehan makanan, ekonomi untuk menyokong sistem sosial manusia dalam meneruskan kehidupan. Begitu juga dengan Hens & Susanne (2010) yang berpendapat bahawa ekologi manusia merupakan perhubungan dan interaksi antara kesejahteraan manusia dan persekitaran mereka serta mempunyai sasaran dalam penyelesaian untuk menjalani kehidupan dan berusaha ke arah pembangunan mapan.

Selain itu, Sutton & Anderson (2004) dan Ogato (2013) mengatakan ekologi manusia adalah bidang yang mengkaji hubungan dan interaksi manusia, biologi, budaya dan alam sekitar fizikal. Selain itu, ekologi manusia juga turut mengkaji pelbagai aspek budaya dan alam sekitar, termasuklah bagaimana manusia bertindak